Soalan Lazim: Pembiayaan Peribadi-i

S1: Apakah Pembiayaan Peribadi-i Hong Leong ("PF-i")?

J1: Pembiayaan Peribadi-i Hong Leong ialah pembiayaan tanpa cagaran dengan kadar keuntungan tetap yang tidak memerlukan cagaran atau penjamin.

S2: Apakah manfaat utama PF-i?

J2:

- Pulangan tunai atas keuntungan apabila anda membayar tepat pada masa.
- Kadar keuntungan yang menarik.
- Permohonan yang mudah.
- Tempoh pembayaran fleksibel untuk 2 tahun (24 bulan) hingga 5 tahun (60 bulan).

S3: Siapakah yang layak memohon PF-i?

J3:

- Warganegara Malaysia berumur antara 21 hingga 60 tahun yang bekerja bergaji atau bekerja sendiri (termasuk pemilik tunggal) di Malaysia dengan pendapatan minimum RM24,000 setahun.
- Warganegara Malaysia berumur antara 21 hingga 60 tahun yang bekerja bergaji di Singapura dengan pendapatan minimum SGD24,000 setahun.

S4: Berapakah jumlah minimum dan maksimum pembiayaan yang saya boleh mohon?

J4: Amaun pembiayaan minimum ialah RM5,000 dan amaun pembiayaan maksimum ialah RM150,000. Semua amaun pembiayaan yang dimohon adalah tertakluk pada penilaian kredit.

S5: Apakah tempoh pembiayaan minimum dan maksimum yang ada?

J5: Tempoh pembiayaan minimum ialah 2 tahun (24 bulan) manakala tempoh maksimum adalah 5 tahun (60 bulan).

S6: Bagaimanakah saya boleh memohon PF-i?

J6:

- Kunjungi mana-mana cawangan HLB/HLISB
- Mohon dalam talian melalui laman sesawang HLISB
- Mohon melalui Perbankan Dalam Talian di HLB Connect Online

S7: Bagaimanakah saya boleh membuat bayaran bulanan?

J7:

- Tunai atau cek di mana-mana cawangan HLB/HLISB di seluruh negara
- Tunai atau cek melalui Terminal Layan Diri di cawangan HLB/HLISB.
- Arahan Tetap daripada akaun Semasa/-i atau Simpanan/-i anda

- Pembayaran dalam talian melalui HLB Connect (Pengguna HLB Connect Sahaja)
- Pemindahan Inter Bank (IBG) or Duit Now
  Nota: Pembayaran bagi pembiayaan melalui Kiriman Wang/Pesanan Pos tidak akan diterima mulai 2 Januari 2025.

S8: Bagaimana saya akan menerima amaun pembiayaan?

J8: Amaun pembiayaan akan disalurkan ke akaun semasa/-i atau simpanan/-i peribadi anda yang ditetapkan. Akaun peribadi mesti dibuka, dikendalikan dan diselenggara di bawah pemohon PF-i.

S9: Bagaimana saya menyemak status permohonan saya?

J9: Anda boleh menyemak status permohonan anda di laman sesawang HLISB di bawah "Jejaki Permohonan Saya."

S10: Bagaimana saya tahu permohonan saya telah diluluskan atau ditolak?

J10: Anda akan dimaklumkan melalui SMS apabila permohonan pembiayaan anda diluluskan atau ditolak.

S11: Berapakah caj pampasan?

J11: Bagi kegagalan pembayaran semasa tempoh Kemudahan, kadar pampasan sebanyak satu peratus (1%) setahun akan dikenakan ke atas pembayaran tertunggak sehingga tarikh pembayaran penuh dibuat (kadar harian).

S12: Apakah Penyelesaian Awal?

J12: Penyelesaian Awal merujuk kepada penyelesaian baki pembiayaan sebelum tarikh matang pembiayaan.

S13: Berapakah fi Penyelesaian Awal?

J13: Tiada fi Penyelesaian Awal untuk PF-i.

S14: Apakah yang akan berlaku jika saya terlebih bayar untuk ansuran bulanan saya?

J14: Sebarang lebihan bayaran ansuran bulanan akan dianggap sebagai bayaran pendahuluan dan dikira dalam pembayaran ansuran bulan seterusnya.

S15: Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

J15: Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk kami, anda boleh meninggalkan butiran perhubungan anda dengan mengklik butang “Mohon Sekarang” di sebelah kanan halaman sesawang ini.
Sebagai alternatif, anda boleh merujuk Helaian Pendedahan Produk kami dengan mengklik pautan berikut:

Helaian Pendedahan Produk Pembiayaan Peribadi-i

S16: Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan membuat aduan?

J16:

- Jika anda mempunyai masalah untuk membuat pembayaran, anda harus menghubungi kami secepat mungkin untuk membincangkan alternatif pembayaran semula. Anda boleh menghubungi kami di:
  Pusat Kawalan Kredit, Hong Leong Bank Berhad,
  Tingkat 2, Tower A, PJ City Development,
  No. 15A, Jalan 219, Section 51A, 46100 Petaling Jaya, Selangor.
  Tel: +603-7959 1888
  Fax: +603-78738228
  Emel: HLBBPFSCREDITCONTROLCENTREPERSONALLOAN@hlbb.hongleong.com.my

- "Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pinjaman/pembiayaan secara percuma kepada individu".

  Untuk maklumat lanjut, sila hubungi AKPK di:
  Tingkat 5 dan 6,
  No.11, Menara Aras Raya,
  Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.
  Tel: +603-2616 7766 Website: akpk.org.my/contact-us

- Program POWER! (Pengurusan Wang Ringgit Anda) yang ditawarkan oleh AKPK menggalakkan pengurusan wang berhemat dan disiplin kewangan kepada pelanggan individu. Untuk mendaftar dan maklumat lanjut, sila hubungi:
  Tel: 03-2616 7766
  Laman web: https://power.akpk.org.my/ atau www.akpk.org.my

- Untuk sebarang pertanyaan, anda boleh menghubungi kami di:
  Pusat Panggilan: 03-7626 8899
  E-mel: HLOnline@hlbb.hongleong.com.my

- Untuk membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang ditawarkan, anda boleh menghubungi kami di:
  Advokasi Pelanggan, Tingkat 13A, Menara Hong Leong, No.6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.
  Tel: +603-7626 8821 / 03-7626 8802 / 03-7626 8812
  E-mel: customerservice@hlbb.hongleong.com.my

- Jika soalan atau aduan anda tidak diselesaikan sepenuhnya oleh kami, anda boleh menghubungi BNMLINK di:
  Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No.10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.

  Web: bnm.gov.my/BNMLINK
  Tel: 1-300-88-5465 atau 03-2174 1717 (luar negara)